

# Operasi bas pengantara MRT laluan Sungai Buloh, Kajang mula 1 Oktober

➔ Serah kertas cadangan kepada SPAD

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**ass Rapid Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) sudah bersedia untuk memulakan operasi bas pengantara di semua stesen Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) bermula 1 Oktober depan.

Pengarah Pengurusan Aset dan Operasinya, Mahmood Abdul Razak, berkata pihaknya sudah menyerahkan kertas cadangan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) dan memaklumkan mengenai operasi Rapid Rail Sdn Bhd selaku operator yang dilantik di semua stesen membatikan jajaran berkenaan.

## Jalankan kajian

Untuk fasa pertama, termasuk tempoh percubaan selama tiga bulan bermula 1 Oktober depan, seba-

nyak 140 bas akan ditempatkan meliputi kawasan dalam lingkungan tiga kilometer di sekitar stesen dengan kekerapan 10 minit, tertakluk kepada keadaan lalu lintas.

“Dalam tempoh itu, kita akan jalankan kajian, iaitu jika permintaan tinggi di sesetengah kawasan, kita akan tingkatkan bilangan bas dan kekerapan untuk fasa kedua yang bermula pada Julai tahun depan.

“Bagaimanapun, jika permintaan di kawasan itu rendah, kita akan pindahkan bas berkenaan ke kawasan lain,” katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MRT Corp di sini, semalam.

## Elak pertindihan operasi bas

Mahmood berkata, jika ada pertindihan operasi dengan bas Rapid KL, pihaknya tidak akan beroperasi di kawasan berkenaan, malah akan beralih ke kawasan baharu.

Pada majlis itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, menyampaikan duit raya kepada 80 kanak-kanak dari rumah kebajikan Yayasan Chow Kit yang diraikan pada majlis berkenaan serta sumbangan berjumlah RM5,000 kepada rumah kebajikan terbabit.

Fakta nombor

140 BAS

akan ditempatkan dalam lingkungan 3km sekitar stesen

10 MINIT

kekerapan bas tertakluk kepada keadaan lalu lintas

[FOTO HALIM SALLEH/BH]



Shahril (tengah) beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MRT Corp di Kuala Lumpur, semalam.